

11/03/1997

Malaysia sedia bantu pulihkan prasarana Bosnia

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia sedia memberikan bantuan kepada Bosnia-Herzegovina dalam memulihkan kembali kemudahan infrastruktur yang rosak akibat perang saudara di negara itu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata pembangunan infrastruktur seperti lapangan terbang, lebuhraya, pelabuhan dan kemudahan berkaitan amat penting untuk memulihkan ekonomi dan kesejahteraan di Bosnia.

"Hubungan di antara Bosnia dan Malaysia adalah baik, ditambah pula dengan sokongan kuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa mempertahankan kedudukan Bosnia.

"Malaysia gembira dengan Perjanjian Damai Dayton yang membolehkan Bosnia menikmati kembali keamanan," katanya kepada wartawan selepas menerima kunjungan hormat Menteri Pengangkutan dan Komunikasi Bosnia, Rasim Gacanovic, di pejabatnya di sini, hari ini.

Rombongan 15 orang itu membuat lawatan ke negara ini untuk mempelajari pengalaman Malaysia membangunkan infrastruktur termasuk lebuhraya, pelabuhan dan lapangan terbang.

Sempena lawatan itu juga rombongan itu melawat Malaysia Airport Berhad (MAB) dan pelabuhan bagi menyaksi sendiri pembangunan prasarana di negara ini.

Dr Ling berkata, pengalaman Malaysia ketika kemelesetan ekonomi sekitar tahun 80-an membangunkan Lebuhraya Utara Selatan boleh dicontohi oleh Bosnia.

(END)